PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 SEPTEMBER 2016

Saya bukannya berdamai – Dr. M

um- 6/9/2016

Oleh SUWARNI MOKHTAR
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 5 SEPT.**

SELEPAS 18 tahun, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada Kabinet, beliau hari ini bertemu empat mata dengan bekas ketuanya, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Mahkamah Tinggi di sini.

Mereka pada mulanya bertemu seketika di galeri awam. Selepas Anwar dibawa masuk ke bilik saksi oleh pegawai penjara, Dr. Mahathir dilihat memasuki bilik sama dengan ditemani oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Lebih kurang 20 minit kemudian, Dr. Mahathir keluar dari bilik saksi dan meninggalkan mahkamah.

"Saya bukannya berdamai dengannya." Itu kenyataan pertama Dr. Mahathir apabila ditanya tujuan kehadirannya di mahkamah.

DR. MAHATHIR MOHAMAD

ANWAR IBRAHIM

Ditanya sama ada beliau dan Anwar kini berkawan, Dr. Mahathir memberitahu: "Saya tak boleh kata kami berkawan, tetapi kami ada berbual."

"Saya berminat dengan kes ini kerana ia membabitkan keselamatan negara. Perkara ini pun ada ditulis dalam blog saya," katanya.

Sementara itu, Anwar ketika ditanya sama ada beliau mempercayai bekas ketuanya itu memberitahu:

"Ia bukan mengenai percayakan beliau atau tidak, tetapi mengenai memberi peluang kepada sesiapa yang mempunyai agenda pembaharuan."

Menjawab pertanyaan mengenai pertemuannya dengan Dr. Mahathir, Anwar memberitahu mereka bercakap mengenai masalah MKN dan beberapa hal lain.

Dalam perkembangan sama, kerajaan Malaysia dan MKN hari ini mengemukakan bantahan awal terhadap permohonan injunksi sementara berhubung pelaksanaan Akta MKN 2016 oleh Anwar.

Peguam Kanan Persekutuan, Datuk Amarjeet Singh memberitahu pemberita, bantahan itu dikemukakan atas alasan Mahkamah Tinggi di sini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut kerana ia membabitkan kuasa Parlimen untuk menggubal undang-undang.

"Hanya Mahkamah Persekutuan mempunyai kuasa untuk mendengar permohonan berkaitan kuasa Parlimen. Selain itu, permohonan tersebut turut dibuat atas salah tanggapan (*misconceived*)," katanya ketika ditemui selepas pendengaran bantahan tersebut di kamar Hakim Datuk Hanipah Farikullah.

Sementara itu, peguam N. Surendran yang mewakili Anwar selaku pemohon memberitahu, mahkamah menetapkan 14 Oktober ini untuk pihak-pihak terlibat berhujah lebih lanjut.